

02 AUG 2002  
LID-Media/I  
MEDIA JADI SASARAN PEMIMPIN LID

Oleh: Ahmad Fuad Yahya & S. Retnanathan

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Wakil media hari ini menjadi tumpuan apabila ketua negara/kerajaan yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002) mempersoalkan laporan berat sebelah, tidak tepat dan kurangnya kepercayaan di kalangan pengamal media di Selatan.

Wujud kelainan pada sesi itu apabila para pemimpin diberi peluang yang jarang-jarang diperolehi untuk menyoal pegawai kanan media mengenai etika kerja mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan sesi itu dengan mengemukakan pertanyaan mengapa media sentiasa menulis berita negatif mengenai mana-mana negara.

"Saya seronok (menyoal wakil-wakil media)."

Saya mahu tahu mengapa media selalu menulis laporan negatif mengenai mana-mana negara. Saya tidak dapat membayangkan negara-negara ini tidak langsung mencapai apa-apa sama sekali dan jika pun ada, mengapa kita tidak mendengar mengenainya. Saya mahu tahu kenapa," soal Perdana Menteri.

Robert Kabushenga, Setiausaha Perbadanan New Vision, akhbar utama Uganda yang menjawab soalan itu berkata adalah tepat untuk mengatakan media memberi penekanan kepada perkara yang dianggap negatif tetapi berita negatif ini ditulis dengan harapan pihak berkuasa akan menangani isu yang dibangkitkan itu.

Pada masa yang sama, media lebih kerap menyiarkan berita-berita positif yang tidak mendapat perhatian pembaca berbanding berita yang negatif, katanya.

Presiden Zimbabwe Robert Mugabe turut bertanya sama ada wartawan bebas menulis pendapat mereka mengenai sebarang isu atau dipandu oleh "boleh" dan "tidak boleh" yang ditetapkan oleh pemilik media.

Menjawab soalan itu, seorang bekas pengamal media dari Britain berkata sesuatu laporan perlu dibezakan sama ada ia merupakan laporan berita atau analisis dan wartawan mempunyai obligasi untuk membuat penjelasan dalam laporan mereka.

"Ada dua dimensi untuk satu laporan, ada dua versi dalam satu berita dan adalah penting wartawan mengimbangi peranan mereka semasa menulis berita," katanya.

Bagaimanapun, beliau berpendapat pemilik media tidak memainkan peranan dalam memutuskan mengenai apa yang perlu diterbit dan tidak kerana ini bergantung kepada pengamal media itu sendiri.

Menjawab soalan lain, Pengurus Besar Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Syed Jamil Syed Jaafar berkata ada masanya kerajaan dan parti-parti tidak senang dengan berita yang dilaporkan oleh agensi berita itu.

"Jadi saya rasa kami berada pada landasan yang betul. Media memainkan peranan sebagai pemerhati dan ada ketikanya menjadi "terbawa-bawa dengan isu," katanya.

Syed Jamil berkata sebilangan akhbar mensensasikan berita untuk meningkatkan jualan manakala sebilangan lagi terpaksa membelanjakan wang itu untuk membayar saman, jika mereka disaman.

Menjawab soalan mengenai mengapa pengamal media cenderung memilih berita tertentu, Ketua Pengarang Star, Datuk Ng Poh Tip, berkata ini kerana ada ketikanya media berpendapat ada perkara yang salah yang perlu diperbetulkan.

"Kita boleh mengesan punca masalah dan membetulkannya. Kita turut

menyiarkan bahan mengenai kejayaan dasar... kami siarkan cerita-cerita gembira (berita positif)," katanya.

Dr Mahathir turut bertanya mengapa wartawan dari negara-negara Selatan tidak mempercayai sesama mereka memandangkan berita yang berasal dari negara-negara tersebut tidak digunakan.

"Mengapa mereka gunakan berita yang disiarkan oleh agensi berita asing? Sebagai contoh, jika sesuatu peristiwa berlaku di Malaysia, mengapa kita menggunakan berita agensi berita asing dan tidak berita dari negara itu sendiri?" tanya Dr Mahathir.

Hardev Kaur dari New Straits Times berkata ada usaha sebelum ini untuk mendapatkan maklumat daripada sumber asal tetapi ia tidak dijalankan.

Beliau berkata usaha terbaru ialah menerusi Smart News Network International (SNNi), yang ditubuhkan hasil dialog perkongsian pintar di Uganda tahun lepas.

Editor Kumpulan NST Datuk Ahmad Talib berkata agensi berita asing lebih cepat mengeluarkan berita dan ini memudahkan akhbar tempatan memilih bahan.

Katanya SNNi merupakan permulaan yang baik tetapi akhbar perlu menghapuskan unsur-unsur ketidakpercayaan di kalangan media di negara-negara Selatan.

Dr Mahathir mencelah : "Jadi, kamu lebih percayakan mereka (perkhidmatan berita asing). Adakah Reuters (agensi berita asing) menyiarkan berita yang tepat?"

-- BERNAMA

AFY SR SHY LAT